

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1991/92

Mac/April 1992

HMT 302 Sintaksis Bahasa Malaysia

Masa: [3 jam]

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi TUJUH [7] soalan dalam EMPAT [4] muka surat.

- Jawab LIMA [5] soalan, SOALAN NO 1 - 4 daripada Bahagian A WAJIB dijawab dan SATU [1] soalan daripada Bahagian B.
- Tulis nombor 1 hingga 7 secara berurutan di muka hadapan kertas jawapan sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak. Tulis tanda X di hadapan nombor soalan yang tidak dipilih.
- Sebaiknya jawapan ditulis dari nombor rendah ke nombor yang tinggi.
- Jawapan mestilah mengemukakan hujah yang ringkas, tepat dan analitikal.
- Di samping isi, penggunaan bahasa Melayu Tinggi dan tulisan yang mudah dibaca juga diambil kira.
- Semua jawapan ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.
- Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. Asmah Hj. Omar (1980 : 329) menyatakan bahawa pola ayat dasar selapis terdiri daripada Frasa Benda + Frasa Benda dan Frasa Benda + Frasa Karyaan. Sila beri huraihan berserta contoh yang sesuai dan jika perlu kemukakan komen anda.

.../2

2. Nik Safiah Karim et al. (1986 : 151) berpendapat bahawa Objek Tepat ialah objek yang menjadi penyambut secara langsung kepada kata kerjanya, sementara Objek Sipi ialah yang tidak menjadi penyambut secara langsung kepada kata kerjanya.

Berdasarkan contoh ayat yang berikut ini tentukan Objek Tepat dan Objek Sipi pada setiap ayat dengan penjelasan binaan ayat yang mencukupi.

- (a) Ahmad menghadiahkan buku kepada Ali.
- (b) Ahmad menghadiahi Ali buku.
- (c) Wanita itu membeli baju untuk anaknya.
- (d) Wanita itu membelikan anaknya baju.

3. Darwis Harahap (1989) perpendapat bahawa di dalam bahasa Melayu terdapat binaan ayat trinafi, seperti contoh yang berikut ini.

Mahasiswa itu bukan tidak pernah tidak pergi kuliah di Minden tahun lalu.


Tulis Struktur Frasa ayat di atas dan perlihatkan ayat tersebut pada Rajah Pohon Struktur Dalam.

4. Sila tulis semula (setelah disunting) wacana yang dilampirkan dengan menggunakan bahasa Melayu Tinggi. Sediakan satu daftar berkenaan dengan perubahan: ejaan, morfologi dan sintaksis yang telah dilakukan. Buat satu analisis pendek berkenaan dengan penyuntingan yang telah dilakukan.

#### BAHAGIAN B

5. Pitsamai Intarachat (1987 : 176) berpendapat bahawa Kopula di dalam bahasa Melayu ialah suatu kata terbitan yang ditambahkan melalui Transformasi Penempatan Kopula. Bincangkan apakah yang dimaksud Transformasi Penempatan Kopula tersebut dan berikan juga komen anda.
6. Abdullah Hassan (1980 : 204 - 210) menjelaskan konsep asas di dalam Nahu Transformasi, ialah: Generatif, Kreatif, Eksplisit, Kegramatisan dan Transformasi. Huraikan konsep asas ini satu-persatu dengan contoh yang memadai.

7. Sanat Md. Nasir (1985 : 17) mengemukakan Rajah Pohon Struktur Dasar ayat: Omar memancing ikan dan Zahid memancing ikan ialah seperti yang berikut ini.



Perkataan dan merupakan penghubung Koordinatif (pengk) bagi kedua-dua ayat tersebut dan kedudukannya dinaungi oleh Ayat 1. Bincangkan binaan Ayat Majmuk ini dengan mengambil kira aspek makna.

.../4

.../LAMPIRAN

LAMPIRAN

Saya sedang membelek-belekkan surat-surat lama, maka terjumpa kepada saya satu salinan surat pasal menyewakan tanah yang bertulis pada tepinya perkataan: "telah dicapkan pada 6hb Jamadilakhir 1324" demikian bunyinya:

"Bahawa sesungguhnya Yang Maha Mulia Raja Negeri di dalam mensyuarat telah suka menyewakan kepada Tuan W.A.G. Teleky dan Tuan J. Meky duduk di dalam negeri Siam Bangkok, sekeping tanah duduknya di antara Sungai Bagan dan Sungai Joh di dalam negeri Kelantan di dalam sempadan yang tersebut di bawah ini, maka luasnya tanah ini 4,5000 ekar. Di sebelah utara - daripada Batu Timah di dalam Sungai Bagan itu ikut Sungai Bagan itu hingga sampai ke tanah bernama Mahmud, kemudian mengikut pagar tanah Mahmud itu di sebelah timur dan selatan dan mengikut luar Kampung Kenur luar Kampung Datuk Kayuh di sebelah selatan hingga sampai ke Sungai Bagan pula, kemudian mengikut sungai itu terus sampai ke Alur Merbau Salam.

Di sebelah timur - daripada Alur Merbau Salam mengikut luar Kampung Merbau Salam sebelah barat kemudian menuju ke timur ikut rumah seorang semat hingga sampai ke Padang Padi kemudian hala ke selatan terus sampai ke Kampung Tumbuh dan sampai ke rumah Awang Adak dan dari rumah Awang Adak itu ikut ke sebelah timur sampai ke Kubang Bunut dan dari Kubang Bunut terus sampai ke Kampung Kenanga dan dari Kampung Kenanga itu ikut hala ke selatan sampai Teluk Miduk dan dari Teluk Miduk itu sampai ke Kuala Weng."

(Dipetik daripada Sebelas Rejab, karya A. Kadir Adabi, 1980 : 1)